

TH Plantations raih hasil, keuntungan lebih rendah

Ogos 29, 2023 | 2:23pm



KUALA LUMPUR: TH Plantations Bhd (THP) mencatatkan keuntungan selepas cukai RM18.8 juta untuk tempoh separuh pertama tahun kewangan 2023 berbanding RM36.5 juta dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya.

Kumpulan mencatatkan pendapatan sebanyak RM318.9 juta pada separuh pertama tahun 2023, penurunan sebanyak 28.9 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Pendapatan yang lebih rendah itu disebabkan oleh purata harga realisasi yang lebih rendah bagi minyak sawit mentah (MSM) dan isirung sawit (PK), masing-masing jatuh 30.1 peratus dan 50.8 peratus dalam tempoh yang sama walaupun kedua-duanya mencatatkan volum jualan yang lebih tinggi.

Secara positifnya, pengeluaran dan pemprosesan buah tandan segar (BTS) kumpulan untuk tempoh dikaji masing-masing meningkat sebanyak 7.1 peratus dan 10.1 peratus.

Pada masa yang sama, pengeluaran MSM dan volum jualan kumpulan masing-masing meningkat sebanyak 8.8 peratus dan 10.4 peratus.

Begitu juga, pengeluaran PK dan volum jualan yang masing-masing menunjukkan peningkatan sebanyak 13.7 peratus dan 17.6 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif THP, Mohamed Zainurin Mohamed Zain, berkata dari segi operasi, kumpulan terus menunjukkan peningkatan pengeluarannya ditambah pula dengan inisiatif strategik untuk mendapatkan BTS dari luar melalui Program Perkongsian bersama Pekebun Kecil Bumiputera berjaya meningkatkan kadar penggunaan kilang dan volum jualan MSM.

Beliau berkata, program mekanisasi THP juga meningkatkan masa pusing ganti penuaian, meningkatkan kebolehcapaian dan liputan kawasan.

"Menuju ke hadapan, kami akan terus memberi tumpuan terhadap pengurusan kos yang berkesan dan inisiatif kelestarian untuk meningkatkan lagi kecekapan keseluruhan operasi syarikat," katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Beliau berkata, kumpulan menjangkakan harga minyak sawit akan kekal pada paras sekarang pada tempoh separuh kedua tahun ini, walaupun sentimen ramalan ekonomi yang lebih lemah di seluruh dunia disebabkan oleh ketegangan politik, tekanan inflasi daripada harga makanan dan tenaga yang tinggi serta keadaan cuaca tidak menentu yang dijangka akan menjejaskan bekalan dan permintaan MSM.

"THP optimis dan akan terus memberi tumpuan kepada strateginya yang mantap untuk sebagai mitigasi kepada keadaan operasi yang mencabar.

"Tanpa sebarang keadaan yang tidak diduga, THP menjangkakan prestasi kewangan yang memuaskan bagi tahun kewangan 2023," katanya.